UNIVERSITI MALAYSIA SABAH
Jabatan Pendaftar
*Registrar's Office*

CERTIFIED TO ISO 9001 : 2000 CERT. NO: AR 3088

Rujukan Kami UMS/PN2.2A/K16/2
Tarikh 22 November 2011

SENARAI EDARAN SEPERTI DI LAMPIRAN

Y. Bhg. Dato'/Dr./ Tuan/ Puan,

**IKLAN KEKOSONGAN JAWATAN TIMBALAN NAIB CANSELOR (AKADEMIK DAN ANTARABANGSA) UNIVERSITI MALAYSIA SABAH**

Dengan hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas.

Sukacita dimaklumkan bahawa pihak Universiti Malaysia Sabah (UMS) mempelawa kakitangan akademik Y. Bhg. Dato'/ Dr./ Tuan/ Puan, yang berminat bagi mengisi kekosongan jawatan Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa) di Universiti ini dengan mengemukakan:

a) *'Curriculum Vitae'* (CV) yang lengkap dan terkini berserta gambar berukuran pasport; dan
b) *'Key Performance Indicator'* (KPI) dan ringkasan mengenai perancangan sekiranya dilantik sebagai Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa).

Tarikh tutup permohonan adalah pada **21 Disember 2011 (Rabu)** dan sila kemukakan permohonan kepada **Pendaftar, Universiti Malaysia Sabah, Jalan UMS, 88400 Kota Kinabalu, Sabah**. Bersama ini dilampirkan hebahan iklan berkaitan untuk dimaklumkan kepada kakitangan akademik di organisasi Y. Bhg. Dato'/ Dr./ Tuan/ Puan.

Kerjasama Y. Bhg. Dato'/ Dr./ Tuan/ Puan dalam perkara ini amatlah dihargai dan didahului dengan ucapan terima kasih.

Sekian.

**'BERTEKAD CEMERLANG'**

PEJABAT PENDAFTAR
TERIMA 24 NOV 2011

Yang ikhlas,

**MEJ. (K) DATUK ABDULLAH HJ. MOHD. SAID**
Pendaftar
Universiti Malaysia Sabah

s.k. - Y. Bhg. Brig. Jen. Prof. Datuk Seri Panglima Dr. Kamaruzaman Hj. Ampon
(Naib Canselor)


JALAN UMS, 88400 KOTA KINABALU, SABAH, MALAYSIA.
• Tel : 6088- 320 000 • Faks : 6088-320 243 • E-mel : papenums@ums.edu.my • Laman web : http://www.ums.edu.my

**UNIVERSITI MALAYSIA SABAH**
**Jalan UMS, 88400 Kota Kinabalu, Sabah, Malaysia**
**Tel: +6088 320000**
**Fax: +6088 320243/320047**
**Website:** www.ums.edu.my

# IKLAN JAWATAN TIMBALAN NAIB CANSELOR (AKADEMIK DAN ANTARABANGSA)

Pemohon-pemohon adalah dipelawa daripada kakitangan Akademik Universiti untuk mengisi jawatan **Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa)** di Universiti Malaysia Sabah. Maklumat jawatan adalah seperti berikut :

1. Jawatan : TIMBALAN NAIB CANSELOR (AKADEMIK DAN ANTARABANGSA)

2. Gred Jawatan : Gred Utama B (VU6)

3. Tangga Gaji

| 1 | 2 | 3 | 4 | |
|---|---|---|---|---|
| 7145.00 | 7838.78 | 8599.93 | 9434.99 | 10270.05 |

4. Bentuk Lantikan: Tukar Sementara

5. Tempoh Perkhidmatan: Tiga (3) tahun (Tertakluk kepada keputusan Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia)

6. Kelayakan dan Pengalaman: Sekurang-kurangnya telah memegang **jawatan Profesor Gred Khas C (Berjawatan Tetap atau Kontrak)**

   : Disahkan dalam Perkhidmatan

7. Kriteria Lantikan :

   a) Seorang ahli akademik yang cemerlang, berwibawa serta mempunyai ciri-ciri kepimpinan yang cemerlang dan dihormati;

   b) Mempunyai pemikiran dan sikap yang proaktif serta mampu mengurus kepelbagaian dalam apa jua situasi;

   c) Seorang yang mempamerkan sifat kepimpinan melalui teladan kepada mereka yang di bawah pimpinannya;

   d) Mempunyai perwatakan yang dinamik serta bertanggungjawab dan komited kepada tugas dan tanggungjawab berdasarkan nilai-nilai murni masyarakat dan negara;

   e) Berkeupayaan mengenal pasti konflik dan mengurusnya dengan baik serta berhemah;

   f) Mempunyai potensi untuk menyumbang secara berkesan terhadap pembangunan Universiti dan Pendidikan Tinggi Negara secara keseluruhannya;

   g) Penentuan kebolehan dalam kriteria ini akan dinilai oleh Jawatankuasa Pemilih yang dipengerusikan oleh Pengerusi Lembaga Pengarah Universiti Malaysia Sabah.

8. Cara Memohon

Calon yang berminat boleh mengemukakan permohonan dengan menyertakan maklumat seperti berikut:

a) *'Curriculum Vitae'* (CV) yang lengkap dan terkini berserta gambar berukuran passport; dan

b) *'Key Performance Indicator'* (KPI) dan ringkasan mengenai perancangan sekiranya dilantik sebagai TNC (Akademik dan Antarabangsa).

9. Hanya calon yang layak selepas tapisan sahaja akan dipanggil untuk ditemuduga.

10. Sebarang pertanyaan sila hubungi

a) Encik Luqman Ridha Anwar - 088320000; ext 1077/1412
Timbalan Pendaftar luqman@ums.edu.my
Bahagian Sumber Manusia

b) Cik Stella @ Nurul Martini Gontol - 088320000; ext 1437/1036
Penolong Pendaftar stella@ums.edu.my
Bahagian Sumber Manusia

11. Permohonan hendaklah sampai kepada:

**PENDAFTAR**
**UNIVERSITI MALAYSIA SABAH**
**JALAN UMS**
**88400 KOTA KINABALU**
**SABAH**

**TARIKH TUTUP PERMOHONAN: 21 DISEMBER 2011 (RABU)**

**SENARAI EDARAN LUARAN**

Pendaftar
Universiti Malaya (UM)
Lembah Pantai
**50603 KUALA LUMPUR**

Pendaftar
Universiti Sains Malaysia (USM)
11800 Minden
**PULAU PINANG**

Pendaftar
Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM)
43600 Bangi
**SELANGOR**

Pendaftar
Universiti Putra Malaysia (UPM)
43400 Serdang
**SELANGOR**

Pendaftar
Universiti Teknologi Malaysia (UTM)
81310 Skudai
**JOHOR**

Pendaftar
Universiti Teknologi Mara (UiTM)
40450 Shah Alam
**SELANGOR**

Pengarah Eksekutif
Bahagian Perkhidmatan dan Pengurusan
Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM)
P.O.Box 10
**50728 KUALA LUMPUR**

Pendaftar
Universiti Utara Malaysia (UUM)
06010 Sintok
**KEDAH**

Pendaftar
Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS)
Kota Samarahan
94300 Kuching
**SARAWAK**